



Peraduan Spend More, Win More with STAEDTLER 2026

Terma & Syarat

1. Penganjur

- Peraduan Spend More, Win More with STAEDTLER 2026 ("Peraduan") dianjurkan oleh STAEDTLER Marketing Sdn. Bhd. ("Penganjur").
- Dengan menyertai Peraduan ini, peserta dianggap telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Terma & Syarat ini serta semua keputusan yang dibuat oleh Penganjur.

2. Tempoh Peraduan

- Peraduan ini berlangsung dari **1 September 2026 hingga 31 Disember 2026** ("Tempoh Peraduan").
- Semua penyertaan hendaklah dihantar selewat-lewatnya pada **11:59 malam (Waktu Malaysia)** pada **31 Disember 2026**.
- Sebarang penyertaan yang diterima selepas tarikh dan masa tutup tidak akan diterima.

3. Kelayakan

- Peraduan ini terbuka kepada semua **warganegara Malaysia** yang berumur **18 tahun dan ke atas** pada tarikh penyertaan.
- Kakitangan Penganjur, syarikat berkaitan, pengedar, peruncit, agensi pengiklanan dan promosi, serta ahli keluarga terdekat mereka (ibu bapa, pasangan, adik-beradik dan anak-anak) adalah tidak layak menyertai Peraduan ini.

4. Cara Penyertaan

Langkah 1 – Pembelian

Beli **MANA-MANA** produk **STAEDTLER** dengan perbelanjaan minimum sebanyak **RM30** sepanjang Tempoh Peraduan daripada mana-mana saluran berikut:

- Kedai buku
- Kedai alat tulis
- Kedai seni
- Pasar raya
- Pasar raya besar
- Gedung serbaneka
- **Kedai Rasmi STAEDTLER Malaysia** di:
 - Shopee (<https://shopee.com.my/staedtler.os>)
 - Lazada (<https://www.lazada.com.my/shop/staedtler>)
 - TikTok Shop (<https://www.tiktok.com/@staedtlermalaysia.os>)
- Peruncit dalam talian lain yang diberi kuasa menjual produk STAEDTLER tulen.



Langkah 2 – Simpan Resit & Muat Naik

- Pembelian minimum sebanyak **RM30 dalam satu (1) resit** diperlukan untuk melayakkan diri menyertai Peraduan.
- Peserta boleh memuat naik satu (1) atau lebih resit dalam satu penghantaran. Resit pertama mestilah mempunyai nilai pembelian minimum RM30. Peserta boleh membuat pelbagai penghantaran sepanjang **Tempoh Peraduan**.
- Jumlah nilai semua resit yang layak dan dihantar sepanjang Tempoh Peraduan di bawah maklumat peserta yang sama akan dikumpulkan untuk menentukan jumlah nilai pembelian yang melayakkan peserta bagi Peraduan ini.
- Hanya **resit yang bertarikh dalam Tempoh Peraduan (1 September 2026 hingga 31 Disember 2026)** layak untuk dihantar dan dikumpulkan.
- Peserta yang ingin menghantar resit tambahan pada tarikh yang berlainan hendaklah mengemukakan borang penyertaan dalam talian yang baharu menggunakan **maklumat peribadi yang sama** seperti dalam penyertaan pertama bagi membolehkan Penganjur mengumpulkan semua pembelian yang layak di bawah peserta yang sama.
- Tiada had bagi jumlah penyertaan yang boleh dihantar. **Lebih banyak anda berbelanja, lebih tinggi peluang anda untuk menang.**

Langkah 3 – Hantar Penyertaan Anda

Layari: <https://www.staedtler.com/my/spendmorewinmorecontest>

Lengkapkan borang penyertaan dalam talian dan muat naik perkara berikut:

- Imej yang jelas bagi resit pembelian.
- Foto diri yang jelas bersama produk STAEDTLER yang telah dibeli.

Peserta hendaklah melengkapi maklumat berikut:

- Nama Penuh
- Nombor Kad Pengenalan (MyKad)
- Umur
- Nombor Telefon
- Alamat Kediaman
- Alamat E-mel
- Nama Kedai / Premis Pembelian
- Nombor Resit / Invois
- Produk yang Dibeli
- Jumlah Nilai Pembelian

Peserta juga dikehendaki:

- Menjawab **satu (1) soalan mudah** berkaitan STAEDTLER.
- Mengikuti sekurang-kurangnya **satu (1) akaun media sosial rasmi STAEDTLER Malaysia** (Facebook, Instagram atau TikTok).



5. Keperluan Resit

- Resit mestilah memaparkan dengan jelas maklumat berikut:
 - Nama peruncit
 - Nombor resit atau invoice
 - Tarikh pembelian
 - Produk STAEDTLER yang dibeli
 - Jumlah pembelian
- Resit mestilah sah, lengkap dan jelas dibaca.
- Resit mestilah milik peserta yang mengemukakan penyertaan dan tidak boleh dipindah milik, diserahkan atau dijual kepada mana-mana individu lain.
- Resit yang rosak, diubah suai, dipalsukan, tidak lengkap atau tidak jelas tidak akan diterima.
- Setiap resit hanya boleh digunakan sekali sahaja sepanjang Tempoh Peraduan.
- Penyertaan berganda menggunakan resit yang sama akan dibatalkan.
- Peserta hendaklah menyimpan semua resit asal sepanjang Tempoh Peraduan. Kegagalan mengemukakan resit asal dalam tempoh yang ditetapkan oleh Penganjur apabila diminta boleh mengakibatkan penyertaan dibatalkan.
- Pihak Penganjur berhak untuk meminta resit asal dan/atau menjalankan pengesahan dengan peruncit yang berkaitan pada bila-bila masa bagi mengesahkan ketulenan dan kesahihan mana-mana pembelian yang dikemukakan. Kegagalan untuk mengemukakan resit asal apabila diminta, atau sekiranya pembelian yang dikemukakan tidak dapat disahkan, boleh menyebabkan penyertaan dibatalkan.

6. Pembelian Dalam Talian

- Bagi pembelian yang dibuat melalui platform dalam talian, peserta hendaklah memuat naik invoice elektronik rasmi atau resit pesanan yang jelas memaparkan:
 - Nama Penjual / Kedai
 - Nombor Pesanan
 - Tarikh Pembelian
 - Produk yang Dibeli
 - Jumlah Pembelian
- Tangkapan skrin yang tidak memaparkan maklumat yang diperlukan dengan jelas mungkin akan ditolak.
- Hanya pesanan yang telah berjaya diselesaikan dan dibayar sepenuhnya layak untuk Peraduan ini. Pesanan yang dibatalkan, dipulangkan, dikembalikan dananya atau masih dalam pertikaian tidak akan diambil kira bagi tujuan penyertaan.

7. Hadiah

Hadiah Utama: Jongkong Emas HABIB 999.9 (2.5g) (Koleksi Songket) bernilai **RM1,700** x 1 pemenang

Kredit TNG eWallet RM1,000 × 10 pemenang



CARA MENYERTA:

1 BELI

MANA-MANA PRODUK STAEDTLER bernilai RM30 dalam satu resit untuk menyertai. Tambah lebih banyak resit sepanjang tempoh peraduan.

2 HANTAR PENYERTAAN

Lengkapkan borang penyertaan dalam talian, muat naik resit, dan foto anda bersama produk STAEDTLER yang dibeli.

3 LIKE & FOLLOW

STAEDTLER Malaysia di Facebook, Instagram & TikTok.

Kredit TNG eWallet RM500 × 20 pemenang

Kredit TNG eWallet RM200 × 35 pemenang

Kredit TNG eWallet RM100 × 85 pemenang

Kredit TNG eWallet RM50 × 350 pemenang

Jumlah Pemenang: 501

- Imej hadiah yang digunakan dalam bahan promosi adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja.
- Penganjur berhak menggantikan mana-mana hadiah dengan hadiah lain yang mempunyai nilai yang sama atau lebih tinggi sekiranya keadaan di luar kawalan Penganjur memerlukan penggantian tersebut.
- Pemenang hadiah Kredit TNG eWallet bertanggungjawab memastikan akaun eWallet *TNG* yang didaftarkan atas nama sendiri adalah sah, aktif dan boleh menerima kredit hadiah. Penganjur tidak akan bertanggungjawab sekiranya kredit hadiah tidak dapat disalurkan disebabkan akaun eWallet yang tidak sah, tidak aktif atau tidak dapat diakses seperti yang diberikan oleh pemenang.
- Peraduan ini tidak mempunyai sebarang kaitan, tidak ditaja, disokong atau ditadbir oleh HABIB, Touch 'n Go (TNG) atau mana-mana jenama pihak ketiga yang dipaparkan sebagai hadiah.

8. Pemilihan Pemenang

- Pemenang akan dipilih daripada semua penyertaan yang layak dan telah:
 - Menjawab soalan Peraduan dengan betul;
 - Memenuhi semua syarat Peraduan;
 - Mengikuti sekurang-kurangnya satu (1) akaun media sosial rasmi STAEDTLER Malaysia (Facebook, Instagram atau TikTok) pada masa pengesahan pemenang dibuat.
- Sekiranya terdapat penyertaan dengan nilai pembelian yang sama atau kelayakan yang setara, keutamaan boleh diberikan kepada peserta yang mengemukakan penyertaan lebih awal.
- Semua keputusan Penganjur adalah muktamad, konklusif dan mengikat. Sebarang surat-menyurat, rayuan atau pertikaian tidak akan dilayan.
- Setiap peserta hanya layak memenangi satu (1) hadiah sahaja sepanjang tempoh Peraduan, tanpa mengira jumlah penyertaan yang layak telah dihantar, melainkan ditentukan sebaliknya oleh Penganjur.
- Pemenang akan dimaklumkan melalui e-mel dan/atau telefon.
- Pemenang bertanggungjawab memastikan semua maklumat hubungan yang diberikan adalah tepat dan terkini.
- Sekiranya seseorang pemenang tidak dapat dihubungi dalam tempoh **tujuh (7) hari kalendar** dari tarikh percubaan pemberitahuan pertama, Penganjur berhak memilih pemenang gantian.
- Pemenang mungkin dikehendaki mengemukakan bukti pengenalan diri dan resit pembelian asal sebelum hadiah diserahkan.
- Pemenang yang gagal mengemukakan dokumen atau maklumat yang diperlukan dalam tempoh yang ditetapkan oleh Penganjur boleh kehilangan kelayakan untuk menerima hadiah tersebut, dan Penganjur berhak memilih pemenang gantian.



- Pemenang akan diumumkan pada 12 Februari 2027 (Jumaat) melalui laman web STAEDTLER Malaysia (halaman Peraduan) dan platform media sosial rasmi STAEDTLER Malaysia (Facebook dan Instagram).

9. Pembatalan Kelayakan

Penganjur berhak membatalkan kelayakan mana-mana peserta yang:

- Mengemukakan maklumat palsu atau mengelirukan;
- Menggunakan resit yang dipalsukan, diubah suai atau telah diusik;
- Mengemukakan resit yang sama lebih daripada sekali;
- Menggunakan resit milik individu lain atau mengemukakan resit bagi pembelian yang kemudiannya dibatalkan, dikembalikan dananya atau dipulangkan;
- Menggunakan pelbagai identiti, identiti palsu atau akaun yang tidak sah untuk menyertai Peraduan ini;
- Gagal mengemukakan resit asal bagi tujuan pengesahan;
- Cuba memanipulasi atau mengganggu proses Peraduan;
- Mengemukakan kandungan yang menyinggung perasaan, menyalahi undang-undang atau tidak sesuai; atau
- Gagal mematuhi Terma & Syarat ini.

10. Data Peribadi & Privasi

- Dengan menyertai Peraduan ini, peserta memberikan persetujuan kepada Penganjur untuk mengumpulkan, menggunakan dan memproses data peribadi mereka, termasuk gambar yang dihantar sebagai sebahagian daripada penyertaan.
- Semua data peribadi yang diberikan akan dikendalikan mengikut **Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (PDPA)** dan hanya akan digunakan bagi tujuan berkaitan Peraduan, termasuk pengesahan pemenang, penyampaian hadiah dan aktiviti promosi.
- Peserta mengakui bahawa nama, gambar dan kandungan yang dihantar boleh digunakan oleh Penganjur bagi tujuan pemasaran dan publisiti. Data peribadi akan disimpan hanya untuk tempoh yang diperlukan bagi memenuhi tujuan yang dinyatakan dalam Terma & Syarat ini atau sebagaimana yang dikehendaki oleh undang-undang yang berkuat kuasa. Peserta boleh menarik balik persetujuan mereka dengan menghubungi Info.MY@staedtler.com. Penarikan balik persetujuan tersebut boleh menyebabkan penyertaan peserta ditarik balik daripada Peraduan sekiranya data peribadi tersebut diperlukan bagi tujuan pengurusan Peraduan. Untuk maklumat lanjut mengenai perlindungan data, sila layari: <https://www.staedtler.com/intl/en/legal/privacy-policy/>
- Penganjur tidak akan berkongsi data peribadi peserta dengan mana-mana pihak ketiga kecuali jika perlu bagi tujuan penyampaian hadiah dan pengurusan Peraduan.

11. Terma Am

- Penganjur berhak meminda, mengubah suai, menggantung atau menamatkan Peraduan ini atau Terma & Syarat ini pada bila-bila masa tanpa sebarang notis terlebih dahulu.



- Penganjur berhak mengesahkan kelayakan peserta dan kesahihan semua penyertaan yang diterima.
- Penganjur berhak untuk menjalankan audit, siasatan dan pengesahan terhadap kesahihan mana-mana pembelian, resit atau penyertaan sekiranya terdapat syak wasangka terhadap penipuan, ketidakaturan atau ketidakpatuhan terhadap Terma & Syarat ini.
- Penganjur boleh meminta dokumen sokongan tambahan bagi mengesahkan mana-mana penyertaan.
- Sebarang penyertaan yang mengandungi unsur penipuan, tidak lengkap, tidak tepat atau tidak mematuhi Terma & Syarat ini akan dibatalkan.
- Penganjur berhak untuk membetulkan sebarang kesilapan ejaan, percetakan, pentadbiran atau kesilapan lain yang tidak disengajakan dalam mana-mana bahan Peraduan tanpa notis terlebih dahulu.
- Penganjur tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang gangguan teknikal, kegagalan rangkaian, kelewatan, kehilangan atau kegagalan penghantaran penyertaan yang berada di luar kawalan munasabah Penganjur.
- Penganjur tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang pembatalan, kelewatan atau kegagalan dalam melaksanakan Peraduan yang berpunca daripada keadaan di luar kawalan munasabah Penganjur, termasuk tetapi tidak terhad kepada bencana alam, sekatan kerajaan, pandemik, pertikaian buruh atau kegagalan sistem.
- Penganjur tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang gangguan perkhidmatan internet, masa henti laman web, kegagalan pelayan atau sebarang masalah teknikal lain di luar kawalan munasabah Penganjur yang boleh menjejaskan penyertaan dalam Peraduan ini.
- Pemenang bertanggungjawab sepenuhnya ke atas sebarang cukai, duti atau kos lain yang berkaitan dengan penerimaan dan penggunaan hadiah, jika berkenaan.
- Dengan menyertai Peraduan ini, peserta bersetuju untuk melepaskan Penganjur daripada sebarang tuntutan, kerugian, kerosakan atau liabiliti yang timbul daripada atau berkaitan dengan penyertaan mereka dalam Peraduan ini atau penerimaan dan penggunaan mana-mana hadiah.
- Terma & Syarat ini hendaklah ditadbir urus dan ditafsirkan selaras dengan undang-undang Malaysia.

Ada Sebarang Pertanyaan?

Untuk sebarang pertanyaan berkaitan Peraduan, sila hubungi:

E-mel: Info.MY@staedtler.com

Subjek E-mel: Spend More, Win More with STAEDTLER 2026